




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 248 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 30,786 kes. Dua (2) kes kematian dicatatkan iaitu masing-masing satu (1) di Daerah Kota Kinabalu dan Semporna. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 299 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 27,801 orang. Sejumlah 1,990 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 627 orang di hospital dan 1,363 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 70 orang dan 27 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Penambahan zon merah pada hari ini.

- 4 Tiada kluster baharu dicatatkan.
- 5 Daripada 248 kes positif COVID-19 hari ini, sebanyak 126 kes (50.81%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat di 14 daerah, 61 kes (24.60%) daripada saringan kluster sedia ada, saringan bergejala 36 kes (14.52%), saringan komuniti tujuh (7) kes (2.8%) dan 18 kes (7.26%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,029 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,777 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,806 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 29.24%.

B. PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG. SABAH BARU, LAHAD DATU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg. Sabah Baru, Lahad Datu bermula 10 November 2020 yang kemudiannya dilanjutkan lagi dan dijadualkan tamat pada hari ini, 7 Disember 2020.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 2,054 ujian saringan dan sebanyak 382 kes kumulatif positif COVID-19 telah direkodkan di lokaliti ini.
- 3 KKM turut mengesahkan kesemua sampel saringan telahpun diperolehi dan tiada sampel yang masih menunggu keputusan.
- 4 Atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kg. Sabah Baru, Lahad Datu pada 7 Disember 2020 seperti yang dijadualkan.

C. *STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) AKTIVITI PELANCONGAN UMUM, PREMIS PENGINAPAN PERHOTELAN DAN AKTIVITI PELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI*

- 1 Sebagai garis panduan kepada pihak hotel dan aktiviti pelancongan, SOP berkenaan telah disediakan oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar. Maklumat terperinci boleh dirujuk di **Lampiran A**.

D. AKTIVITI SUKAN GOLF

- 1 Aktiviti Sukan golf **DIBENARKAN** mengikut SOP yang ditetapkan iaitu semua operator (pengendali) harus memastikan **hanya seorang pemain dibenarkan duduk dalam satu (1) buggy** sepanjang permainan dan penggunaan partisan atau pembahagi plastik adalah dilarang sama sekali.

E. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

- 1 Sehingga hari ini, sebanyak **282,374** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

F. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sebanyak 64 SJR telah dilaksanakan melibatkan pemeriksaan 40,977 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 109 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan namun 2 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 74 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 51 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 9 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan satu (1) sanitasi di Daerah Tawau.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 101 lokasi di 18 daerah. Hebahan dibuat dalam tiga (3) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun dan Bahasa Bajau.

G. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 32 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 28 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 179 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

H. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 97.93%. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Kinabalu	99%
4	Kota Belud	99%
5	Kudat	98.5%
6	Beaufort	98%
7	Ranau	98%
8	Penampang	98%
9	Papar	98%
10	Kota Marudu	98%
11	Beluran	98%
12	Sandakan	98%
13	Tuaran	97%
14	Keningau	97%
15	Tenom	97%
16	Tawau	97%
17	Lahad Datu	97%
18	Kunak	97%
19	Semporna	97%

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putus rantai COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

7 Disember 2020